

## **PERSIDANGAN PERSPEKTIF SINGAPURA 2016: "KITA" ANJURAN IPS; Mencapai visi 'rakyat yang bersatu'**

***Hasleen Bachik***

***Berita Harian***, 19 January 2016

MASYARAKAT Singapura yang kian pelbagai turut bermakna timbulnya cabaran dalam penyepaduan.

Pentingnya semangat "kekitaan" itu menjadi teraju utama dalam persidangan Perspektif Singapura 2016: "Kita" anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS), di Pusat Persidangan Raffles City, semalam, yang membincangkan isu tersebut dari sudut politik, masyarakat dan ekonomi.

Pemangku Menteri Pendidikan (Sekolah), Encik Ng Chee Meng, berkata dasar politik Singapura yang bercorak inklusif atau merangkumi semua seperti yang termaktub dalam ikrar negara akan terus memacu wawasan Singapura mencapai visi "rakyat yang bersatu".

Itulah visi yang menjadi ilham golongan bapa pengasas negara ini, yang menurut Encik Ng berupaya membayangkan pentingnya membina "kepelbagaian yang bersatu" meskipun dengan wujudnya perbezaan bangsa, bahasa dan agama.

Menjawab soalan peserta sama ada model 'Cimo' - merujuk kepada langkah membezakan kaum Cina, India, Melayu dan lain-lain - wajar dimansuhkan, Encik Ng menambah model itulah yang telah menyatukan Singapura sejak 1965.

"Saya katakan ini dengan rendah hati bahawa pastinya akan ada cara lebih baik melakukan sesuatu. Tetapi adakah kita telah mencapai sesuatu yang baik sepanjang 50 tahun lalu untuk menjalin satu koleksi kumpulan berbeza dalam pulau kecil Singapura ini yang tidak punya sumber aslinya?" kata beliau dalam segmen Kepelbagaian bersepadu?.

Encik Ng adalah antara empat pemimpin generasi keempat Singapura yang menyampaikan perspektif mereka semalam dalam persidangan tahunan IPS yang dihadiri sekitar 900 peserta dari kementerian, badan berkanun, pertubuhan kebajikan sukarela (VWO) dan pelajar.

Dalam ucapan pembukaannya, Pengarah (IPS), Encik Janadas Devan, berkata dalam usaha mencapai "kekitaan" yang sempurna atau memperolehi identiti kebangsaan yang mendalam, ia "hendaklah lebih berupa rumusan bahagian tersebut, tidak kurang, ditambah, mahupun dibuang".

Ia tidak menuntut agar dipadamkan perbezaan itu, kata Encik Devan.

"Kita tidak disuruh melupakan identiti berbeza kita. Sebaliknya, kita digesa menerima kepelbagaian yang ada pada kita," kata beliau.

Turut tampil semalam ialah Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Encik Chan Chun Sing, yang juga Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC). Beliau mengetengahkan pentingnya memiliki produk, dasar, proses dan orang yang baik dalam usaha mentadbir dan membangun negara.

Dalam panel Mentadbir Bersama?, Encik Chan menyentuh tentang pentingnya empat perkara iaitu produk, dasar, proses dan orang yang baik dalam usaha mentadbir negara.

Menurut Encik Chan, dasar harus membawa hasil yang baik demi kehidupan warga dan generasi akan datang, manakala proses pula perlu melibatkan kebijaksanaan yang disatukan, kuasa dan tenaga rakyat serta tindakan bersama secara kolektif.

Encik Chan menegaskan kayu ukur sama ada negara ditadbir urus dengan baik adalah dengan melihat sejauh mana kehidupan rakyat menjadi bertambah baik.

Turut menyampaikan ucapan semalam ialah Pemangku Menteri Pendidikan (Pengajian Tinggi dan Kemahiran), Encik Ong Ye Kung, dalam segmen, Pertumbuhan Inklusif; dan Menteri Kewangan, Encik Heng Swee Keat, dalam segmen, Masa Depan "Kita".